

(29 Mac 2022) Sinar Harian • p. 13

Tengah hari tanpa bayang di KL pula

Selain KL, Putrajaya, Shah Alam serta beberapa bandar lain turut mengalami fenomena tengah hari tanpa bayang pada Isnin


Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Warga Kala Lumpur, Putrajaya, Shah Alam serta beberapa bandar lain teruja apabila mengalami fenomena tengah hari tanpa bayang pada Isnin.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, fenomena itu berlaku susulan peristiwa Ekuinoks

FOTO: BERNAMA



Kelihatan bayang-bayang bebola batu berada tepat di bawah objek susulan fenomena tengah hari tanpa bayang yang berlaku pada jam 1.20 tengah hari ketika tinjauan di Pusat Bandar Shah Alam pada Isnin.

yang berlaku pada Isnin lepas, iaitu apabila matahari berada tepat di atas garisan Khatulistiwa.

“Semasa peristiwa Ekuinoks, seluruh dunia mengalami waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu 12 jam siang dan 12 jam malam,” katanya.


Menurutnya, Ekuinoks juga menandakan perubahan musim iaitu bermula musim bunga di

hemisfera utara bumi manakala di hemisfera selatan bumi akan mula mengalami musim luruh.

Beliau berkata, bayang kepala dan badan akan terjatuh ke tapak kaki seolah-olah tiada bayang yang jatuh ke bumi.

“Fenomena tanpa bayang di Kuala Lumpur dan Putrajaya berlaku pada jam 1.19 petang manakala Shah Alam 1.20 petang,”

FOTO: BERNAMA



Aishah Sakinah Sazali, 32, bergambar di hadapan tulisan 'Putrajaya' di Dataran Putra sewaktu fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang yang dirakamkan di sekitar Putrajaya pada Isnin.

katanya.

Antara beberapa kawasan lain yang turut berlaku fenomena itu pada Isnin ialah Batu Caves jam 1.19 petang dan Bintulu (12.34 tengah hari).

Dr Adham berkata, Malaysia mula mengalami fenomena berkenaan pada Rabu lepas di Serian, Sri Aman dan Betong di Sarawak serta Kukup di Johor.

Ia diikuti bandar lain pada tarikh berikutnya sehingga ke bandar terakhir iaitu Kudat dan Jambongan di Sabah pada 7 April.

Keterujaan menikmati hari tanpa bayang tidak dilepaskan penduduk warga Lembah Klang apabila ramai yang keluar merakamkan foto dan memuat naik di laman sosial masing-masing.